

**PM Adakan Perjumpaan Dengan Umno Selangor**  
**Bername**  
**July 10, 2014**

SHAH ALAM, 10 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengadakan perjumpaan tertutup selama sejam dengan pemimpin Badan Perhubungan Umno Selangor di Bangunan Umno negeri di sini.

Turut hadir Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Seri Noh Omar dan timbalannya Datuk Abdul Shukor Idrus.

Perdana Menteri turut mengadakan perjumpaan dengan 12 Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan empat Anggota Parlimen daripada Barisan Nasional (BN) negeri ini.

Terdahulu, Najib, yang juga Presiden Umno, turut meluangkan masa untuk melancarkan Tabung Prihatin Gaza kelolaan Pergerakan Puteri Umno Selangor.

Selepas acara itu, perdana menteri beredar ke Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, di sini bagi menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat Selangor.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1052843>